



Jawab **semua** soalan.  
Masa 1 jam 15 Minit

**Bahagian A**  
[20 markah]

- 1 \_\_\_\_\_ bermaksud sifat semulajadi yang ada pada setiap kejadian Allah SWT.
- A Fatonah
  - B Fasik
  - C Fitnah
  - D Fitrah
- 2 Al-Tabligh bererti
- A Rasul bersifat bijaksana.
  - B Rasul bersifat menyampaikan.
  - C Rasul bersifat jujur dan amanah.
  - D Rasul bersifat seperti manusia biasa.
- 3 Allah s.w.t. memiliki \_\_\_\_\_ nama bagi diri-Nya yang dikenali sebagai Asmaul Husna
- A 25
  - B 99
  - C 40
  - D 124
- 4 Antara berikut yang manakah keburukan tidak bermuamalah secara Islam?.
- A Melahirkan semangat gotong royong dan tolong menolong.
  - B Mengajar manusia supaya sentiasa hidup bersatu padu.
  - C Keselesaan bermuamalah mengikut keperluan.
  - D Melahirkan individu yang tamak haloba.
- 5 Berikut adalah contoh bagi ibadat khusus kecuali
- A Mengajar ilmu.
  - B Menunaikan Haji.
  - C Mendirikan Solat.
  - D Menunaikan umrah.
- 6 

◆ Merupakan jaminan untuk hidup.
◆ Memastikan kehidupan manusia bebas dan tenang.

Pernyataan di atas adalah antara kepentingan mencapai matlamat

- A Memelihara nyawa.
- B Memelihara agama.
- C Memelihara kehormatan diri.
- D Memelihara keharmonian agama.

- 7
- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetahuan yang luas</li> <li>• Mempunyai keyakinan diri</li> <li>• Memiliki semangat yang kuat</li> <li>• Adil dalam pentadbiran</li> <li>• Dapat mengawal emosi dan rasional</li> </ul> |
|---|

Situasi di atas menerangkan tentang

- A Ciri-ciri ketua hakim
  - B Ciri-ciri mukmin
  - C Ciri-ciri khalifah
  - D Ciri-ciri ulama
- 8 Berikut adalah maksud ibadat menurut bahasa **kecuali**
- A Merendah diri
  - B Sukarela
  - C Tunduk
  - D Taat
- 9 Berikut adalah antara elemen-elemen penting dalam pembentukan negara Islam kecuali :
- A Badan Kehakiman.
  - B Undang-undang.
  - C Pembangunan.
  - D Ketua Negara.
- 10 Antara berikut yang manakah **tidak benar** tentang kemampuan Islam menyelesaikan masalah.
- A Islam menyediakan balasan terhadap setiap perbuatan.
  - B Hukum hakam bertujuan mengawal tingkah laku.
  - C Islam ialah agama yang lengkap dan sempurna.
  - D Islam telah mensyariatkan pelbagai peraturan.
- 11 Manakah antara berikut yang tidak berkaitan dengan konsep thabat.
- A Kepercayaan dan keyakinan terhadap Allah
  - B Menunaikan zakat kepada anak yatim
  - C Kewajipan menunaikan solat fardhu
  - D Hukuman qisas kepada pembunuh
- 12
- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• al-Quran.</li> <li>• al-Hadis.</li> <li>• al-Ijmak.</li> <li>• al-Qias.</li> </ul> |
|---|

Perkara di atas adalah berkaitan.

- A Kemampuan Islam menyelesaikan masalah.
- B Matlamat penyelesaian masalah.
- C Langkah penyelesaian masalah.
- D Sumber penyelesaian masalah.

- 13 Berikut ialah sifat-sifat mustahil bagi seorang rasul, **kecuali**
- I as-Sidiq
  - II al-Kitman
  - III al-Khianah
  - IV al-Fatonah
- A I, dan II
  - B III dan IV
  - C II dan III
  - D I dan IV
- 14 Berikut adalah kesan baik pekerjaan yang halal kepada negara, **kecuali**
- A Negara menjadi contoh kepada negara lain.
  - B Menggalakkan pelaburan asing.
  - C Meluaskan bidang pekerjaan.
  - D Mendapat keredaan Allah.
- 15 Lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan di dunia dan akhirat adalah konsep
- A Syumuliyah
  - B Alamiyyah
  - C Uluhiyyah
  - D Murunah
- 16
- Memberi kebebasan kepada umat Islam.
  - Memberi kelonggaran untuk membuat pilihan.
- Pernyataan di atas merujuk kepada hikmah hukum
- A Haram.
  - B Wajib.
  - C Sunat.
  - D Harus.
- 17 Kepentingan tawakkal adalah
- I Menguatkan azam untuk terus berusaha.
  - II Bersyukur dengan nikmat Allah s.w.t
  - III Meyakini takdir tidak akan berubah.
  - IV Reda dengan ketentuan Allah s.w.t
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV
- 18 Kepentingan semangat juang dalam kehidupan muslim dapat
- A Mendisiplinkan diri.
  - B Meningkatkan kefahaman.
  - C Menambahkan keazaman.
  - D Mencapai cita-cita dengan mudah.

19 Berikut adalah ciri-ciri hadis dhaif **kecuali**

- I Hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang fasik.
- II Hadis yang ditolak oleh sebahagian besar ulamak.
- III Hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang thiqah lagi dhabit.
- IV Hadis yang sanadnya bersambung terus kepada Rasulullah s.a.w.

- A I dan II
- B III dan IV
- C II dan III
- D I dan IV

20 Sarimah memberi RM500 kepada Yaakop kerana meluluskan permohonannya mendapatkan ruang niaga di kawasan bandar.

Situasi di atas mempunyai unsur

- A Riba
- B Rasuah.
- C Monopoli.
- D Manipulasi.

### Bahagian B

[20 markah]

Nyatakan istilah bagi perkara berikut.

*Untuk  
Kegunaan  
Pemeriksa*

21 Sesuatu yang diterima daripada Rasulullah s.a.w berupa perkataan, perbuatan dan pengakuan. (hadis)

1
---

22 Hadis yang mempunyai sanad yang bersambung terus kepada Rasulullah s.a.w. (hadis sahih)

1
---

23 Hadis yang didalamnya tidak terdapat sifat-sifat hadis sahih dan hadis hasan. (hadis dha'if)

1
---

Lengkapkan pernyataan berikut

Untuk  
Kegunaan  
Pemeriksa

- |    |  |  |
|----|--|--|
| 24 | Hukum harus menderma organ badan manusia adalah contoh _____ .                                   | <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> |
| 25 | Unsur utama yang membezakan manusia dengan makhluk lain ialah _____.                             | <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> |
| 26 | Sumber _____ perundangan Islam ialah al-Quran dan al-Hadis.                                      | <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> |
| 27 | Salah satu prinsip _____ ialah praktikal dan mengambil kira kenyataan sebenar kehidupan manusia. | <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> |


Untuk  
kegunaan  
Pemeriksa

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.  
Tandakan ( × ) pada pernyataan yang SALAH.

- |  |    |   |  |
|--|----|---|--|
| <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> | 28 | Penyelesaian masalah secara Islam menghubungkan kehidupan di dunia dengan akhirat.          | <div style="border: 1px solid black; width: 100px; height: 20px;"></div> |
| <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> | 29 | Islam ialah ajaran yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w dan bukannya ciptaan manusia. | <div style="border: 1px solid black; width: 100px; height: 20px;"></div> |
| <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> | 30 | Al-Hadis menambah kekurangan yang terdapat dalam al-Quran.                                  | <div style="border: 1px solid black; width: 100px; height: 20px;"></div> |
| <div style="border: 1px solid black; padding: 2px; display: inline-block;">1</div> | 31 | Khalifah mestilah seorang lelaki.   | <div style="border: 1px solid black; width: 100px; height: 20px;"></div> |

Lengkapkan hukuman atau kesalahan dalam jadual berikut

	Kesalahan	Hukuman	
32		Disebat 100 kali	<input type="text" value="1"/>
33	Qazaf		<input type="text" value="1"/>
34		Disebat 40 kali	<input type="text" value="1"/>
35	Mencuri		<input type="text" value="1"/>
36	Murtad		<input type="text" value="1"/>



37 X : \_\_\_\_\_

38 Y : \_\_\_\_\_

Nyatakan contoh harta yang dipindah secara percuma.

39 \_\_\_\_\_

40 \_\_\_\_\_

**KERTAS JAWAPAN**

**Bahagian A**

1    A    B    C    D

2    A    B    C    D

3    A    B    C    D

4    A    B    C    D

5    A    B    C    D

6    A    B    C    D

7    A    B    C    D

8    A    B    C    D

9    A    B    C    D

10   A    B    C    D

11   A    B    C    D

12   A    B    C    D

13   A    B    C    D

14   A    B    C    D

15   A    B    C    D

16   A    B    C    D

17   A    B    C    D

18   A    B    C    D

19   A    B    C    D

20   A    B    C    D

<b>BAHAGIAN A</b>

**KERTAS 2**  
**MASA 2 JAM 30 MINIT**

[100 markah ]

Jawab **lima** soalan sahaja

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih mana-mana **empat** soalan yang lain.

- 1 (a) (i) Akal dan wahyu saling memerlukan antara satu sama lain.  
Huraikan **tiga** cara menjaga kewarasan akal. [6 markah ]
- (ii) Terangkan **dua** cara penurunan al-Quran kepada Nabi Muhammad s.a.w. [4 markah ]
- (b) (i) Manusia merupakan makhluk Allah s.w.t yang paling istimewa.  
Nyatakan **tiga** keistimewaan manusia. [6 markah ]
- (c) Alam memberikan sumbangan besar kepada kehidupan di muka bumi ini.  
Senaraikan **dua** sumbangan alam kepada manusia. [4 markah ]
- 2 (a) (i) Nyatakan **dua** prinsip Murunah. [4 markah ]
- (ii) Huraikan **dua** kelebihan sifat Murunah. [4 markah ]
- (b) (i) Dalam prinsip 'alamiyyah Islam memuliakan manusia dan membawa rahmat dalam kehidupan mereka.  
Nyatakan **empat** hak asasi manusia yang terdapat dalam prinsip alamiyyah. [4 markah ]
- (ii) Huraikan cara mewujudkan kesejahteraan hidup manusia. [4 markah ]
- (c) Nyatakan jenis-jenis ibadat yang ada sifat murunah. [4 markah ]
- 3 (a) (i) Negara yang maju mempunyai pemimpin yang cemerlang gemilang dan terbilang.  
Nyatakan maksud khalifah. [2 markah ]
- (ii) Nyatakan **dua** ciri khalifah Islam. [4 markah ]
- (b) (i) Matlamat utama syariat Islam adalah untuk mengatur kehidupan manusia berdasarkan amar makruf dan nahi mungkar.  
Terangkan **tiga** matlamat sistem kehakiman Islam. [6markah ]
- (ii) Terangkan **dua** akibat terhadap masyarakat jika hakim tidak berlaku adil dalam perbicaraan. [4 markah ]
- (c) Slogan "Rumahku Syurgaku" sering digunakan bagi merealisasikan impian membina keluarga bahagia.  
Bagaimanakah cara untuk mencapai impian tersebut. [4 markah ]

- 4 (a) (i) Islam membataskan pemilikan harta  
Apakah yang dimaksudkan dengan hak milik menurut Islam. [2 markah]
- (i) Huraikan **dua** sebab Islam membataskan hak milik dalam pemilikan harta. [4markah]
- (b) (i) Terangkan tiga syarat sesuatu pekerjaan menjadi ibadah. [6 arkah]
- (ii) Terangkan **dua** etika bekerja kerana Allah. [4 markah]
- (c) Harta merupakan amanah Allah yang perlu dipelihara dengan baik [4 markah]  
Jelaskan **dua** perkara yang merosakkan harta ?
- 5 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan fatwa. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** contoh fatwa yang telah diwartakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kesan buruk sekiranya umat Islam melanggar keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa ? [4 markah]
- (b) (i) Perundangan Islam bersesuaian dengan kehidupan manusia seharian .  
Nyatakan **dua** kesesuaian perundangan Islam dalam perkara ibadat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara perundangan Islam dengan perundangan bukan Islam. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **tiga** sebab segelintir umat Islam enggan mematuhi perundangan Islam. [4 markah]
- 6 (a) (i) Nyatakan maksud jati diri ummah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan cara untuk mewujudkan jati diri ummah. [4 markah]
- (b) (i) Jelaskan punca berlakunya masalah perpecahan ummah. [4 markah]
- (ii) Bagaimanakah cara Islam menyelesaikan masalah perpecahan ummah. [6 markah]
- (c) Buktikan syariat Islam dapat menyelesaikan masalah ummah. [4 markah]
- 7 (a) (i) Monopoli adalah salah satu cara mendapatkan harta yang dilarang oleh islam .  
Jelaskan **tiga** keburukan monopoli. [6 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara untuk mengatasi perbuatan tersebut. [4 markah]
- (b) (i) Perbuatan membazir merupakan larangan dalam Islam .  
Mengapakah umat Islam masih melakukan pembaziran ? [4 markah]
- (ii) Jelaskan **tiga** langkah untuk mencegah perbuatan tersebut. [6 markah]

### KERTAS SOALAN TAMAT

**SKEMA KERTAS 1**  
**BAHAGIAN A**

1.	D	2.	B	3.	B	4.	D	5.	A
6.	A	7.	C	8.	B	9.	C	10.	C
11.	B	12.	D	13.	D	14.	C	15.	A
16.	D	17.	B	18.	A	19.	A	20.	B

**BAHAGIAN B**

21. Hadis
22. Hadis Sahih
23. Hadis Dhaif
24. Fatwa
25. Akal
26. Utama
27. Waqi'iyah
28. ✓ (Betul)
29. ✓ (Betul)
30. X (Salah)
31. ✓ (Betul)
32. Berzina bagi yang belum berkahwin.
33. Disebat 80 kali.
34. Minum arak
35. Potong tangan.
36. Dibunuh jika enggan bertaubat.
37. Pemberian kerajaan
38. Pewarisan
39. Wasiat / Hibah / Hadiah / Maskahwin
40. Wasiat / Hibah / Hadiah / Maskahwin

**SKEMA KERTAS 2**

Nombor Soalan	Skema Pemarkahan	Markah
1 (a) (i)	<p>Cara menjaga kewarasan akal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Makan dan minum yang halal / berkhasiat/seimbang</li> <li>• Menjaga kesihatan tubuh badan / riadah</li> <li>• Membaca buku-buku berfaedah</li> <li>• Menonton program-program bermanfaat</li> <li>• Sentiasa melakukan ibadat dengan sempurna</li> </ul>	3 X 2 isi = 6 markah
1 (a) (ii)	<p>Cara penurunan al-Quran kepada Nabi Muhammad s.a.w.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rasulullah s.a.w mendengar bunyi seperti deringan loceng.</li> <li>• Malaikat Jibril datang menyerupai manusia.</li> <li>• Melalui mimpi yang benar</li> <li>• Secara terus / melalui ilham</li> <li>• Malaikat Jibril turun dengan wajah yang sebenar</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
1 (b) (i)	<p>Keistimewaan manusia.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memiliki akal</li> <li>• Dilantik sebagai khalifah</li> <li>• Boleh menunaikan ibadat dengan sempurna</li> <li>• Memiliki rupa paras dan pancaindera yang sempurna</li> <li>• Berkemampuan membina tamadun</li> <li>• Mahkluk yang paling hampir dengan Allah adalah manusia, iaitu Nabi Muhammad s.a.w</li> </ul>	2 X 2 isi = 6 markah
1 (b) (ii)	<p>Sumbangan alam kepada manusia</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memudahkan pergerakan manusia</li> <li>• Menyediakan keperluan asas kepada manusia seperti makanan dan minuman</li> <li>• Mengekalkan sistem semulajadi</li> <li>• Mengawal pencemaran alam</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
2 (a) (i)	<p>Prinsip Murunah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Islam agama yang mudah</li> <li>• Dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
2 (a) (ii)	<p>Kelebihan sifat Murunah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menunjukkan sifat toleransi dan berhikmahnya Islam</li> <li>• Menarik minat orang bukan Islam untuk memahami ajaran Islam</li> <li>• Menggalakkan umat Islam mentaati perintah Allah</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
2 (b) (i)	<p>Hak asasi manusia yang terdapat dalam prinsip 'alamiyyah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebebasan beragama</li> <li>• Memelihara kehormatan</li> <li>• Memelihara harta benda</li> <li>• Mengutamakan kedamaian dan mengekalkan kesejahteraan manusia</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
2 (b) (ii)	<p>Cara untuk mewujudkan kesejahteraan dan keamanan hidup manusia</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjamin hak dan kebebasan setiap individu dalam masyarakat</li> <li>• Mengekalkan keharmonian negara</li> <li>• Menanamkan nilai-nilai murni dalam masyarakat</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah

Nombor Soalan	Skema Pemarkahan	Markah
2 (c)	Jenis ibadat yang ada sifat murunah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Solat Jamak</li> <li>• Solat Qasar</li> <li>• Solat ketika sakit</li> <li>• Puasa</li> <li>• Zakat</li> <li>• Haji</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
3 (a) (i)	Maksud khalifah pengganti nabi dalam urusan menegakkan agama dan mentadbir urusan dunia.	1 X 2 isi = 2 markah
3 (a) (ii)	Ciri-ciri khalifah Islam <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berilmu / pengetahuan yang luas.</li> <li>• Berakhlak mulia / dapat mengawal emosi dan rasional / adil dalam pentadbiran.</li> <li>• Bertakwa kepada Allah</li> <li>• Bijak membuat keputusan / cekap.</li> <li>• Mempunyai keyakinan diri.</li> <li>• Memiliki keadaan fizikal yang sihat dan sempurna.</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
3 (b) (i)	Matlamat kehakiman Islam <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menegakkan keadilan iaitu memutuskan sesuatu hukuman secara adil dan saksama</li> <li>• Menentang kezaliman iaitu menentang sebarang bentuk kezaliman yang boleh menggugat kemanan dan kesejahteraan hidup</li> <li>• Membela yang dizalimi iaitu melindungi golongan yang lemah dengan memberi pembelaan yang sewajarnya</li> </ul>	3 X 2 isi = 6 markah
3 (b) (ii)	Akibat terhadap masyarakat jika hakim tidak berlaku adil dalam perbicaraan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat berpecah belah</li> <li>• Meningkatkan kadar jenayah</li> <li>• Hidup dalam kegelisahan dan ketakutan</li> <li>• Penindasan ke atas golongan yang lemah</li> <li>• Hilangnya nilai-nilai akhlak mahmudah dalam masyarakat</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
3 (c)	Cara untuk mencapai impian slogan “Rumahku Syurgaku” <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi kasih sayang dan perhatian kepada ahli keluarga / prihatin.</li> <li>• Menyediakan keperluan asas mengikut kemampuan.</li> <li>• Memastikan pendidikan ahli keluarga / pendidikan fardhu ain.</li> <li>• Mengamalkan akhlak mulia / bersopan santun.</li> <li>• Menjaga keselamatan ahli keluarga daripada unsur yang merosakkan.</li> <li>• Memastikan pelaksanaan ibadat wajib / jauhi perkara-perkara haram.</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
4 (a) (i)	Maksud hak milik menurut Islam hak milik adalah sesuatu harta yang dikurniakan oleh Allah kepada hamba-hamba-Nya untuk dimiliki dan dimanfaatkan.	1 X 2 isi = 2 markah

Nombor Soalan	Skema Pemarkahan	Markah
4 (a) (ii)	Sebab Islam membataskan hak milik dalam pemilikan harta <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi mengelakkan manusia sombong dan cintakan dunia</li> <li>• Kerana terdapat hak orang lain dalam harta yang dimiliki itu</li> <li>• Agar manusia bersyukur dengan apa yang dia miliki</li> <li>• Supaya manusia sedar dia tidak memiliki harta tersebut secara mutlak</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
4 (b) (i)	Syarat sesuatu pekerjaan menjadi ibadah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekerjaan halal dan dibenarkan syarak</li> <li>• Pekerjaan yang tidak melalaikan seseorang daripada melakukan ibadat kepada Allah</li> <li>• Pekerjaan yang tidak mengganggu kepentingan awam dan alam sekitar</li> </ul>	3 X 2 isi = 6 markah
4 (a) (ii)	Etika bekerja kerana Allah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekerja dengan ikhlas</li> <li>• Beramanah melaksanakan tugas</li> <li>• Bekerja dengan tekun dan bersungguh-sungguh</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
4 (c)	Perkara yang merosakkan harta. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membelanjakan harta secara tidak berhemah / membazir / boros</li> <li>• Kedekut untuk membelanjakan harta</li> <li>• Membekukan wang di miliki / wang di simpan di rumah</li> <li>• Membelanjakan harta untuk maksiat / membeli dadah / berjudi .</li> <li>• Merosakkan kemudahan awam / vandalisme .</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
5 (a) (i)	Maksud fatwa ialah sebarang keputusan yang dikeluarkan oleh majlis fatwa yang telah diwartakan berhubung dengan sesuatu hukum syarak bagi menyelesaikan masalah semasa.	1 X 2 isi = 2 markah
5 (a) (ii)	Contoh fatwa yang telah diwartakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hukum bunuh kepada pengedar dadah.</li> <li>• Hukum haram pengklonan manusia.</li> <li>• Hukum harus menderma organ manusia.</li> <li>• Hukum harus bayi tabung uji daripada pasangan suami isteri yang sah.</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
5 (a) (iii)	Kesan buruk sekiranya umat Islam melanggar keputusan fatwa <ul style="list-style-type: none"> <li>• Umat Islam akan melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam</li> <li>• Umat Islam akan berada dalam kejahilan</li> <li>• Umat Islam akan melakukan sesuatu perkara mengikut hawa nafsu</li> <li>• Wujud keadaan yang tidak harmoni dalam masyarakat Islam .</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
5 (b) (i)	Kesesuaian perundangan Islam dalam perkara ibadat <ul style="list-style-type: none"> <li>• Solat secara sakit</li> <li>• Solat secara qasar dan jamak</li> <li>• Berbuka puasa bagi musafir</li> <li>• Wajib haji bagi yang mampu .</li> </ul>	1 X 2 isi = 2 markah

Nombor Soalan	Skema Pemarkahan	Markah				
5 (b) (ii)	<p>Perbezaan di antara perundangan Islam dengan perundangan bukan Islam</p> <table border="1" data-bbox="370 323 1304 684"> <thead> <tr> <th data-bbox="370 323 837 359">Perundangan Islam</th> <th data-bbox="837 323 1304 359">Perundangan Bukan Islam</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="370 359 837 684"> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ciptaan Allah</li> <li>• bersifat universal</li> <li>• sesuai pada semua tempat dan zaman</li> <li>• Al-Quran dan al-Hadis menjadi sumber rujukan</li> <li>• Lengkap dan merangkumi dunia dan akhirat</li> <li>• Mengingkarinya berdosa dan mematuhi mendapat pahala</li> </ul> </td> <td data-bbox="837 359 1304 684"> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ciptaan manusia</li> <li>• Bersifat setempat</li> <li>• Sesuai untuk sesuatu tempat dan keadaan sahaja</li> <li>• Pemikiran manusia sebagai rujukan</li> <li>• Terhad di dunia sahaja</li> <li>• Melanggarnya akan dikenakan tindakan di dunia sahaja</li> </ul> </td> </tr> </tbody> </table>	Perundangan Islam	Perundangan Bukan Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ciptaan Allah</li> <li>• bersifat universal</li> <li>• sesuai pada semua tempat dan zaman</li> <li>• Al-Quran dan al-Hadis menjadi sumber rujukan</li> <li>• Lengkap dan merangkumi dunia dan akhirat</li> <li>• Mengingkarinya berdosa dan mematuhi mendapat pahala</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ciptaan manusia</li> <li>• Bersifat setempat</li> <li>• Sesuai untuk sesuatu tempat dan keadaan sahaja</li> <li>• Pemikiran manusia sebagai rujukan</li> <li>• Terhad di dunia sahaja</li> <li>• Melanggarnya akan dikenakan tindakan di dunia sahaja</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
Perundangan Islam	Perundangan Bukan Islam					
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ciptaan Allah</li> <li>• bersifat universal</li> <li>• sesuai pada semua tempat dan zaman</li> <li>• Al-Quran dan al-Hadis menjadi sumber rujukan</li> <li>• Lengkap dan merangkumi dunia dan akhirat</li> <li>• Mengingkarinya berdosa dan mematuhi mendapat pahala</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ciptaan manusia</li> <li>• Bersifat setempat</li> <li>• Sesuai untuk sesuatu tempat dan keadaan sahaja</li> <li>• Pemikiran manusia sebagai rujukan</li> <li>• Terhad di dunia sahaja</li> <li>• Melanggarnya akan dikenakan tindakan di dunia sahaja</li> </ul>					
5 (b) (iii)	<p>Sebab mereka enggan mematuhi perundangan Islam.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang iman dan didikan agama</li> <li>• Terdapat salah faham mengenai pelaksanaan perundangan Islam dan kesannya ke atas manusia</li> <li>• Terlalu dipengaruhi oleh keduniaan</li> <li>• Beranggapan bahawa perundangan Islam menyekat kebebasan</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah				
6 (a) (i)	Jati diri ummah bermaksud memiliki daya kreativiti, inovatif dan produktif dalam melaksanakan pekerjaan	1 X 2 isi = 2 markah				
6 (a) (ii)	<p>Cara untuk mewujudkan jati diri ummah;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai ilmu dalam pelbagai bidang</li> <li>• Mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang</li> <li>• Mempunyai pengalaman dalam pelbagai bidang</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah				
6 (b) (i)	<p>Punca berlakunya masalah perpecahan umat.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelemahan iman dan takwa kepada Allah.</li> <li>• Mementingkan pangkat dan kedudukan.</li> <li>• Tiada kesedaran untuk mempertahankan Islam dan umat Islam.</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah				
6 (b) (ii)	<p>Cara Islam menyelesaikan masalah perpecahan masyarakat.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaksanaan undang-undang Islam yang menjamin keadilan kepada semua anggota masyarakat.</li> <li>• Melaksanakan keadilan kepada semua manusia tanpa mengira bangsa, warna kulit dan agama.</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah				
6 (c)	<p>Bukti: syariat Islam dapat menyelesaikan masalah ummah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Syariat Islam telah mewujudkan pelbagai peraturan seperti kewajipan berzakat. Peraturan ini dapat mengeratkan perpaduan dan merapatkan jurang ekonomi antara golongan kaya dan miskin</li> <li>• Islam mengharamkan perbuatan menyebarkan fitnah bagi mengekalkan keharmonian dan perpaduan ummah. Penyebar fitnah akan dijatuhkan hukuman yang berat .</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah				

Nombor Soalan	Skema Pemarkahan	Markah
7 (a) (i)	Keburukan monopoli <ul style="list-style-type: none"> <li>• melahirkan sifat tamak / pentingkan diri</li> <li>• harga barangan melambung tinggi</li> <li>• berlakunya pergaduhan</li> <li>• ekonomi akan terjejas / negara mundur</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
7 (a) (ii)	Cara mengatasi perbuatan monopoli. <ul style="list-style-type: none"> <li>• mengambil tindakan tegas kepada pelaku</li> <li>• kempen kesedaran / risalah</li> <li>• pemeriksaan oleh pihak berkuasa / pemantauan .</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
7 (b) (i)	Sebab umat Islam masih melakukan pembaziran. <ul style="list-style-type: none"> <li>• kurang didikan agama</li> <li>• mementingkan diri sendiri</li> <li>• jahil tentang cara hidup Islam</li> <li>• mengejar kemewahan hidup</li> </ul>	2 X 2 isi = 4 markah
7 (b) (ii)	Langkah untuk mencegah perbuatan membazir <ul style="list-style-type: none"> <li>• merancang perbelanjaan secara bersistematik</li> <li>• membeli barangan mengikut keperluan</li> <li>• bijak mengenal pasti mutu barangan</li> <li>• kempen kesedaran keburukan pembaziran / kempen inflasi sifar .</li> </ul>	3 X 2 isi = 6 markah